

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA TEE YONG
(LABIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2014

Y.B. DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab untuk rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan sedangkan pendapatan Kerajaan sedang bertambah dari tahun demi tahun malah peningkatan sebanyak RM61.8 bilion atau 38.95 peratus dari tahun 2009 ke 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah Kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi dan cukai barang dan perkhidmatan (GST) adalah untuk memastikan ekonomi negara kekal kukuh dan mencatat pertumbuhan yang mampan serta mampu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pengurusan fiskal yang berhemat dapat meningkatkan penarafan kredit berdaulat negara, seterusnya menambah keyakinan pelabur dan meningkatkan sentimen positif pasaran terhadap Malaysia. Peningkatan dalam pelaburan akan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara dan memperbanyakkan peluang pekerjaan untuk rakyat.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan terus komited dalam melaksanakan konsolidasi fiskal dengan menetapkan paras defisit fiskal pada 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini dan 3% pada 2015 serta bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020. Komitmen tersebut akan mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dan memastikan paras hutang tidak melebihi 55% daripada KDNK, seterusnya menjamin kemampuan fiskal jangka panjang negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejajar dengan perkembangan ekonomi negara yang memberangsangkan, kadar pengangguran terus kekal rendah

sebanyak 3% pada Mac tahun ini manakala pelaburan swasta pada harga semasa berkembang 16.7% dalam tempoh suku pertama 2014 kepada RM44.4 bilion, menyumbang 66.5% kepada jumlah pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua,

Rasionalisasi subsidi merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Fiskal yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan. Langkah ini dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan, kepada subsidi yang lebih bersasar.

Pada 2013, Kerajaan telah membelanjakan RM43.4 bilion atau 21% daripada perbelanjaan mengurus untuk membiayai subsidi, insentif dan bantuan. Daripada jumlah tersebut, RM23.5 bilion adalah untuk subsidi bahan api yang turut dinikmati rakyat berpendapatan tinggi yang tidak sepatutnya menerima subsidi. Pemberian subsidi yang begitu besar dan berterusan akan menyukarkan usaha konsolidasi fiskal, seterusnya

menjejaskan kemampuan fiskal jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah, rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kadar inflasi, kos sara hidup dan kedudukan ekonomi global semasa serta mekanisme sasaran (*targeting mechanism*). Selain itu, sebarang pelarasan harga barangan termasuk petrol dan diesel serta perkhidmatan di bawah kawalan Kerajaan akan dikaji secara menyeluruh (*comprehensive*) bersama-sama pelaksanaan GST bagi mengelakkan *piece-meal price adjustments*, dengan izin, dalam tempoh masa yang sama dan memastikan kesan terhadap inflasi pada tahap yang terkawal.

Langkah pentadbiran terkini yang telah dilaksanakan ialah penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kos Sara Hidup Rakyat pada Januari 2014. Jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri diurusetia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Jawatankuasa tersebut bertindak sebagai jawatankuasa pusat untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barangan secara bersepadu.

Bagi mengimbangi kenaikan kos sara hidup pula, sebahagian daripada penjimatan langkah rasionalisasi subsidi dipulangkan semula kepada rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Dalam Bajet 2014, Kerajaan telah meningkatkan dan meluaskan pemberian BR1M dengan peruntukan sebanyak RM4.6 bilion, berbanding RM2.9 bilion yang dibelanjakan pada 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan subsidi bagi barangan keperluan dan perkhidmatan asas (*necessities*) serta bantuan secara terus kepada rakyat yang berhak menerima bantuan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi bagi barangan dan perkhidmatan seperti subsidi harga beras, minyak masak, tepung dan subsidi tol serta rebat penggunaan elektrik kurang daripada RM20

sebulan. Selain itu, pelbagai bantuan secara terus kepada rakyat seperti bantuan persekolahan dan biasiswa, bantuan keluarga miskin, bantuan warga emas serta bantuan OKU juga tetap diteruskan.

Di samping subsidi dan bantuan secara langsung, rakyat turut menikmati bantuan dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran minimum atau percuma. Contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan serta perkhidmatan pendidikan di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan GST merupakan salah satu langkah Kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara. Penyusunan ini penting di dalam memastikan hasrat negara mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi dapat dicapai kerana sesebuah negara yang maju perlu mempunyai satu sistem percukaian yang telus, efisien dan mesra perniagaan.

GST perlu dilaksanakan bagi menggantikan cukai jualan dan cukai

perkhidmatan yang didapati mempunyai banyak kelemahan yang berpunca dari sistem percukaian itu sendiri. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah elemen cukai atas cukai yang menyebabkan pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dan aktiviti pemindahan harga (transfer pricing) yang memberi kesan negatif kepada kutipan hasil negara.

Selain itu, negara juga perlu mengurangkan kebergantungan kepada hasil daripada cukai pendapatan dan hasil petroleum. Ini disebabkan hasil cukai pendapatan adalah tertakluk kepada keadaan ekonomi pada satu-satu masa. Sekiranya ekonomi jatuh, maka kutipan hasil juga akan berkurangan. Bagi hasil dari petroleum, ianya bukanlah merupakan sumber hasil yang kekal selama-lamanya. Selain itu, hasil petroleum yang diperolehi perlu diurus dengan baik bagi generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam melaksanakan Program Transformasi Fiskal (FTP), termasuk rasionalisasi subsidi dan GST, Kerajaan sentiasa mendengar, mengambil

berat dan peka terhadap keperluan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah serta kumpulan yang mudah terjejas. Secara keseluruhannya, langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan memberi manfaat yang lebih besar dan berkekalan (*sustainable*) pada masa hadapan agar rakyat terus dapat menikmati kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih baik.